

03/09/2000

Ahli Parlimen Rompin dijangka ketua TNB

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Rompin, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis disebut-sebut akan dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif dan Presiden Tenaga Nasional Berhad (TNB), menggantikan Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali yang tamat tempoh kontraknya, Khamis lalu.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie dijadualkan mengumumkan pelantikan Dr Jamaludin, 49, esok. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga difahamkan bersetuju dengan pelantikan itu.

Sumber rapat dengan TNB memberitahu Berita Minggu pelantikan Dr Jamaludin yang berkelulusan doktor Falsafah (PhD) dalam kejuruteraan elektrik adalah bagi tempoh dua tahun secara kontrak dan boleh diperbaharui.

Sebelum ini, Dr Ahmad Tajuddin mengetuai TNB selama empat tahun atau dua penggal apabila mengambil alih jawatan itu daripada Tan Sri Ani Arope yang memimpin TNB selama enam tahun (tiga penggal) sehingga 1996.

Menurut sumber itu lagi, Dr Jamaludin akan mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah TNB di ibu pejabatnya di Jalan Bangsar di sini Selasa ini dan dijangka membuat pengumuman mengenai struktur baru syarikat utiliti terbesar tempatan itu.

Pada 5 Ogos lalu, Dr Jamaludin dilantik sebagai Timbalan Pengerusi TNB iaitu jawatan baru diwujudkan, dipercayai sebagai persediaan baginya untuk mengambil alih kepimpinan TNB.

Sejak itu, Dr Jamaludin melupakan kepentingannya dalam EPE Power Corp Bhd (EPE), sebuah syarikat pengeluar tenaga persendirian (IPP) dan seterusnya meletakkan jawatan sebagai naib pengerusi eksekutifnya.

Baru-baru ini, Dr Ahmad Tajuddin memberitahu pemberita di Kajang, beliau belum mendapat petanda sama ada kontraknya yang berakhir pada 31 Ogos lalu dilanjutkan atau sebaliknya.

Moggie pula yang turut ditanya pemberita pada sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan di Shah Alam, sekadar mengesahkan tempoh kontrak Dr Ahmad Tajuddin berakhir tetapi enggan mengulas mengenai penggantinya.

Difahamkan Ahmad Tajuddin sudah mengosongkan pejabatnya Rabu lalu iaitu hari terakhir beliau bertugas dengan TNB.

Dr Jamaludin memang dikenali dalam industri tenaga terutama melalui EPE, sebuah firma milik bukan Bumiputera yang dibeli dan diselamatnya pada 1986 apabila menghadapi tekanan kemelesetan ekonomi ketika itu.

Beliau yang menjadi perunding jurutera elektrik ketika itu, ditugaskan oleh Time Engineering membeli majoriti saham EPE, untuk memulihkan perniagaannya.

Kini, EPE yang mempunyai sembilan anak syarikat dan dua syarikat bersekutu muncul antara enam IPP terkemuka tempatan dan disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

EPE terbabit dalam kegiatan pengeluaran dan pemasaran peralatan pengagihan. Ia turut mengeksport suiz gear.

Dr Jamaludin memperoleh ijazah sarjana muda sains (kepujian) dari Universiti Manchester, United Kingdom pada 1974, ijazah sarjana sains dari Universiti Manitoba, Kanada pada 1997 dan PhD (kejuruteraan elektrik) dari Universiti McGill, Kanada pada 1980.

Beliau pernah menjadi pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) antara 1974 hingga 1980, sebelum membuka firma perunding kejuruteraan pada 1981.

Beliau menjadi Ahli Parlimen Rompin, Pahang sejak 1990 dan dalam perhimpunan agung Umno Mei lalu, memenangi salah satu jawatan Majlis Tertinggi. Beliau juga Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) yang terkenal sebagai pembahas terbaik di Dewan Rakyat.

(END)